

29/11/1999

Lebih 9.56 juta mengundi hari ini

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Lebih 9.56 juta rakyat Malaysia yang layak mengundi akan menggunakan hak demokrasi mereka esok, ketika Barisan Nasional (BN) bersedia kembali menerajui negara ke alaf baru selepas pilihan raya umum ke-10 ini.

BN yang menggabungkan 14 parti komponen, dijangka tidak menghadapi masalah untuk membentuk kerajaan, walaupun pakatan pembangkang berusaha keras menafikan gabungan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada mendapat majoriti dua pertiga di Parlimen.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membuka 6,931 pusat mengundi membabitkan 17,722 saluran. Pusat itu dibuka mulai jam 8 pagi hingga 5.30 petang esok di Semenanjung, manakala pengundi di Sarawak dan Sabah, yang cuma mengundi bagi kerusi Parlimen, bermula jam 7.30 pagi hingga 5 petang.

Dengan itu, 9,564,071 pemilih bukan saja akan menentukan nasib 426 calon yang merebut 192 kerusi Parlimen dan 812 calon bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), malah menjadi hakim untuk menentukan penubuhan sebuah kerajaan alaf baru bagi tempoh lima tahun akan datang.

BN melalui calonnya, Douglas Ugah Embas, memenangi satu kerusi Parlimen tanpa bertanding, iaitu di Betong, Sarawak, pada hari penamaan calon 20 November lalu. BN turut memenangi satu kerusi DUN tanpa bertanding iaitu di Tangkak, Johor.

Buat pertama kali dalam sejarah negara, pengundian akan dijalankan hanya satu hari di Sabah dan Sarawak, sama seperti di Semenanjung.

Undi pos yang jumlahnya 235,000 dijangka diterima sebelum jam 5 petang esok. Proses pengiraan undi akan bermula jam 6 petang.

Pengerusi SPR, Datuk Omar Mohd Hashim, berkata keputusan pertama dijangka diketahui pada jam 8.30 malam esok dan akan berterusan, kemungkinan sehingga jam 4 pagi. Pengumuman setiap keputusan itu akan disiarkan melalui radio dan televisyen.

Mana-mana parti yang mendapat 97 kerusi Parlimen, sudah berjaya membentuk kerajaan dengan majoriti mudah dan bagi mencapai majoriti dua pertiga, gabungan parti perlu menang 129 kerusi.

Tempoh kempen sejak sembilan hari lalu, berakhir jam 12 tengah malam ini.

Pada pilihan raya umum lalu, 427 calon bertanding dengan 11 daripadanya menang tanpa bertanding, semuanya daripada BN. Jumlah calon itu termasuk 42 calon bebas. Calon lain mewakili tujuh parti politik.

BN memenangi 162 daripada 192 kerusi Parlimen yang ditandingi dengan memperoleh 3,894,877 undi atau 65 peratus undi popular.

Kali ini, Umno akan bertanding di 104 kerusi Parlimen, diikuti MCA (35), MIC (tujuh), Gerakan (10), PBB (10), SUPP (enam), PBDS (enam), UPKO (empat), Snap (lima), SAPP (tiga), PBRS (satu), LDP (satu) dan seorang calon langsung BN iaitu tanpa parti bertanding bagi kerusi baru Mambong di Sarawak.

Bagi pembangkang, Pas pula bertanding di 63 kerusi Parlimen, Keadilan (59), DAP (47), PBS (17), MDP (11), Star (lima), PRM (empat), Akim dan Berjasa, masing-masing satu serta 28 calon bebas.

BN juga bertanding di semua 393 kerusi DUN diketuai Umno (275), MCA (77), MIC (15) dan Gerakan (27). Bagi kerusi DUN yang ditandingi pembangkang, Pas bertanding di 235 kerusi, DAP (88), Keadilan (69), MDP (sembilan), PRM (tiga), Akim (satu) dan 14 calon bebas.

(END)

